

Kelab Bahasa Jepun UMSKAL anjur Japanese Culture Week 2017

4B 28.4.2017 B9

LABUAN: Kelab Bahasa Jepun UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menganjurkan Japanese Culture Week 2017 di Ruang Legar Menara UMSKAL pada Selasa lepas.

Program yang bermula jam 10 pagi itu dirasmikan oleh Penolong Pendaftar Sektor Hal Ehwal Pelajar (SHEP) Mohd Fadzli Sarudi.

Turut hadir ialah Penyelaras Program Mohd Norizal Jumat, Pengarah Program Wong Pei Teng, Pemantau Edric Chiang Kyn Wye (Majlis Perwakilan Pelajar) dan Penasihat Ivy Foo Jianqian (mantan pengurus Japanese Club 2016).

Menurut Pengarah Program Wong Pei Teng, Japanese Culture Week 2017 diadakan bagi mempelbagaikan aktiviti mahasiswa UMSKAL dan memaparkan



Fadzli (kanan) melawat gerai pameran Japanese Culture Week 2017.

keantarabangsaan yang ada di kampus itu.

Katanya program itu juga memaparkan kepelbagaiannya budaya Jepun kepada semua

warga UMS Labuan.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang empat hari program itu diadakan ialah bengkel membuat

sushi, kaligrafi, foto booth pakaian Jepun dan pameran kebudayaan Jepun.

Fadzli kemudiannya melawat gerai pameran yang



FADZLI (tiga kanan) bersama Norizal (dua kiri) dan Wong Pei Teng (kiri) memotong riben simbolik perasmian Japanese Culture Week 2017.

dikendalikan AJK Pelaksana Kelab Bahasa Jepun.



AJK Pelaksana Japanese Culture Week 2017 bersama Fadzli (duduk, tiga kanan).



WONG (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Fadzli.